

Mengapa dasar dipersoal?

APAKAH yang mendorong ungkitan-ungkitan terhadap dasar-dasar negara akhir-akhir ini, yang timbul dalam bentuk tuntutan-tuntutan keterlaluan dan setengahnya menyeleweng dari dasar yang telah diterima? Soalan lain yang lebih menarik ialah mengapa kemelut tuntutan itu datang-nya dari parti-parti komponen Barisan Nasional yang bersama-sama menggubal dan menerima dasar-dasar itu?

Satu kemungkinannya terletak pada prasangka lama mengenai pendirian dan pemikiran sebenar Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam. Keduanya sebelum ini dicap sebagai pemimpin-pemimpin ekstrimis Melayu yang berfaham sosialis. Walaupun perubahan telah banyak berlaku, dan tindak-tanduk serta tingkah-laku kedua pemimpin ini terbukti berlawanan dengan cap yang dilemparkan terhadap mereka, syak-wasangka itu nampaknya masih jua berkekalan.

Ternyata ada golongan, secara sedar atau tidak, disengaja atau pun sebaliknya, yang yakin bahawa sesuatu perubahan radikal terhadap dasar-dasar yang telah diterima itu akan dilakukan oleh kepimpinan baru ini. Lalu ungkitan-ungkitan terhadap dasar dan tuntutan-tuntutan yang keterlaluan itu ditimbulkan. Harapan di belakangnya tentulah: Jika tuntutan itu diterima, ia sendiri akan menghalang sebarang perubahan terhadap dasar. Sebaliknya, jika ia tidak diterima, tuntutan yang bertalu-talu itu akan mengocakkan emosi rakyat, dan dengan sendirinya ini akan menyulitkan sebarang percubaan membuat perubahan.

Satu lagi kemungkinannya ialah kejayaan pelaksanaan dasar-dasar itu sendiri yang kini sedang menuju dengan tepat ke matlamatnya. Pada masa dasar-dasar itu digubal dan dipersetujui, pencapaian matlamatnya bukan saja terlalu jauh tetapi agak diragukan. Tidak ramai yang yakin terhadap kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, misalnya, atau pun Dasar Ekonomi Baru. Tetapi kederasan matlamat dasar-dasar itu dicapai serta hasil nyata darinya tidak mustahil telah mengejut dan membimbangkan setengah-setengah pihak. Prasangka bahawa Kerajaan akan membuat tafsiran yang salah terhadap dasar-dasar itu, atau melaksanakannya secara tidak jujur, telah membangkitkan berbagai tuntutan yang berlawanan.

Tuduhan bahawa Kerajaan tidak bersikap jujur kerana mengabaikan pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil, dan, berikutnya, tuntutan supaya Kerajaan mengambilalih sepenuhnya sekolah-sekolah ini adalah contoh terbaru yang jelas. Ternyata sekali ia membelakangkan hakikat sebenar dan memutarakan kenyataan. Dalam membuat tuduhan demikian, tidak disebut bahawa mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak terdapat lain-lain aliran sekolah selain aliran kebangsaan. Tidak juga disebut apa sebenarnya yang menyebabkan Kerajaan terpaksa mengendurkan dasar dengan mengekalkan sekolah lain-lain aliran bahasa. Tuntutan yang dibuat pula membelakangkan hakikat sebenar bahawa semua sekolah rendah adalah sekolah Kerajaan.

Perdana Menteri telah berulang kali menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan menukar dasar-dasar yang telah diterima serta baik, seperti juga Kerajaan tidak akan melayan sebarang tuntutan yang berlawanan dengan dasar-dasar itu. Soalnya ialah mengapakah ungkitan-ungkitan itu masih disuarakan, dan tuntutan keterlaluan dibuat? Pemimpin-pemimpin tentulah cukup sedar apa akibat tuduhan yang tidak benar dan tuntutan yang keterlaluan terhadap kesejahteraan rakyat. Ahli-ahli politik yang matang dengan sejarah negara ini juga tentulah amat maklum betapa sulitnya mewujudkan perpaduan, dan betapa pula pentingnya perpaduan itu bagi ketenteraman dan kemajuan negara.